



Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.



- 1 Alya dan Huda berkawan baik. _____ tinggal berjiran.
 A. Dia B. Kamu
 C. Engkau D. Mereka
- 2 "Baju baru itu warna _____?" tanya Kamilah kepada Wahida.
 A. apa B. bila
 C. mana D. siapa
- 3 Mokhtar, Eh Hock dan Ramli berkata, "_____ yakin akan menang dalam pertandingan itu."
 A. Kami B. Saya
 C. Kita D. Aku
- 4 _____ yang kehilangan pensel warna, diminta berjumpa dengan guru bertugas minggu ini.
 A. Sesiapa B. Apa-apa
 C. Bila-bila D. Mana-mana




- 5 Kaki kiri Sami _____ apabila memakai kasut yang baru dibeli ibunya.
 A. melecur B. melekit
 C. melecet D. melecit

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 6 Emak menegur sikap Mimi yang suka _____ percakapan orang tua.
A. mengekang
B. menyindir
C. menahan
D. menyampuk
- 7 Encik Ali _____ kawanan burung itu dengan peluru penabur.
A. melontar
B. memanah
C. membaling
D. menembak
- 8 Tukang masak sedang _____ bawang.
A. mengupas
B. mengoyak
C. menyusun
D. mengutip
- 9 _____ membuat sarang di bawah rumah.
A. Labi-labi
B. Anai-anai
C. Rama-rama
D. Jentik-jentik
- 10 Beberapa anggota polis sedang mengawasi _____ perompak itu.
A. gerak-geri
B. suku-sakat
C. selok-belok
D. mundar-mandir
- 11 Cahaya _____ yang beraneka warna menambahkan kecantikan pada waktu malam.
A. anai-anai
B. kupu-kupu
C. kuda-kuda
D. kunang-kunang

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.



- 12 Kak Ida tidak dapat mendengar dengan baik kerana _____ telinganya rosak.
- | | |
|-------------|--------------|
| A. dedaun | B. peparu |
| C. rerambut | D. gegendang |
- 13 Pak Majid _____ menjual durian itu kepada jiran saya.
- | | |
|---------|-----------|
| A. dan | B. lalu |
| C. yang | D. sambil |
- 14 Zarif akan ke rumah Zainab _____ diizinkan oleh ibunya.
- | | |
|----------|-----------|
| A. jika | B. tetapi |
| C. namun | D. hingga |
- 15 Kebun itu dipagari kawat duri _____ tidak dimasuki lembu.
- | | |
|-----------|------------|
| A. tetapi | B. kerana |
| C. supaya | D. setelah |
- 16 Mukanya merah padam _____ disindir oleh Salmah.
- | | |
|------------|---------------|
| A. jika | B. sambil |
| C. apabila | D. sungguhpun |

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

- 17 Khairul mempunyai se_____ tanah pusaka peninggalan ayahnya.
A. genggam B. bidang
C. buah D. butir



- 18 Emak membawa se_____ anggur semasa menziarahi nenek di hospital.
A. biji B. ikat
C. gugus D. longgok




- 19 Pak Mat mencangkul tanah dengan se_____ cangkul.
A. bilah B. laras
C. bentuk D. batang
- 20 Zarul makan beberapa _____ sate yang terhidang di atas meja.
A. batang B. cucuk
C. pucuk D. ketul

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.



- 21 Ayah sangat bimbang akan adik berbasikal di tepi jalan itu. **Perkataan seerti** bagi bimbang ialah _____
- | | |
|-----------|-------------|
| A. risau | B. takut |
| C. curiga | D. dukacita |




- 22 Komputer sangat penting dalam bidang pendidikan pada masa ini. **Perkataan seerti** bagi penting ialah _____
- | | |
|------------|-------------|
| A. baik | B. sesuai |
| C. canggih | D. mustahak |
- 23 Mereka akan bertolak ke pameran itu pada pukul 10.00 pagi. **Perkataan seerti** bagi bertolak ialah _____
- | | |
|--------------|-------------|
| A. berangkat | B. bergerak |
| C. berjalan | D. belayar |
- 24 Ayah mendesak kami mengemas sekeliling rumah hingga selesai. **Perkataan seerti** bagi mendesak ialah _____
- | | |
|-------------|--------------|
| A. merayu | B. memaksa |
| C. menyuruh | D. mengharap |
- 25 Sifatnya yang bacul itu diketahui umum. **Perkataan berlawanan** bagi bacul ialah _____
- | | |
|-----------|------------|
| A. kuat | B. gagah |
| C. berani | D. penakut |

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

26 Dia menjawab soalan ujian itu dengan yakin. **Perkataan berlawanan** bagi yakin ialah _____

- | | |
|----------|-----------|
| A. akur | B. sabar |
| C. wajar | D. sangsi |



27 Akar pokok itu boleh dijadikan ubat. **Perkataan berlawanan** bagi akar ialah _____

- | | |
|----------|------------|
| A. Daun | B. Pucuk |
| C. Dahan | D. Ranting |

28 Air muka Badrul muram sahaja sejak pagi tadi. **Perkataan berlawanan** bagi muram ialah _____

- | | |
|----------|------------|
| A. sedih | B. masam |
| C. riang | D. bengang |

29 Encik Raju bekerja sebagai tukang kebun. _____, dia juga membuat pekerjaan lain untuk menyara keluarganya.

- | | |
|-------------------|-----------------------|
| A. Di samping itu | B. Kalau begitu |
| C. Oleh sebab itu | D. Oleh yang demikian |

30 Pengguna dinasihatkan supaya berbelanja dengan cermat. _____, dalam keadaan ekonomi meleset.

- | | |
|---------------------|-------------------|
| A. Malahan | B. Sungguhpun |
| C. Lebih-lebih lagi | D. Namun demikian |

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pokok kelapa dikenali juga sebagai pokok serbaguna. Boleh dikatakan hampir kesemua bahagian pokoknya berguna kepada kita. Kebanyakan pokok kelapa hidup subur di kawasan berpasir seperti di tepi pantai dan sungai.

Batang pokok kelapa boleh dibuat **iii**. Lidi daun kelapa pula boleh dibuat penyapu dan lekar. Sabut kelapa pula boleh dibuat tali. Daun kelapa yang muda boleh dibuat sarung ketupat. Tempurung kelapa boleh dibuat tabung duit dan senduk. Selain itu, tempurung boleh dijadikan bahan pembakar.

Air kelapa pula dijadikan penawar penyakit. Air kelapa juga sedap diminum. Isi kelapa diparut dan diperah untuk mendapatkan santannya. Santan ini dimasak untuk mendapatkan minyak kelapa. Minyak kelapa pula dibuat sabun dan marjerin. Nampaknya tiada satu pun bahagian kelapa yang dibuang. Semuanya berguna kepada manusia.

31 Di manakah pokok kelapa hidup subur?

- A. Di tepi tasik
- B. Di tepi rumah
- C. Di kawasan berpasir
- D. Di kawasan berlumpur

32 Perkataan **iii** dalam petikan bermaksud _____.

- A. jambatan kecil
- B. penyapu
- C. papan
- D. rakit

- 33** Bahagian pokok kelapa yang manakah yang boleh dimakan?
- A. Isi kelapa
 - B. Sabut kelapa
 - C. Batang pokok
 - D. Daun kelapa muda
- 34** Pada pendapat anda, bahagian tumbuhan yang manakah yang paling berguna semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri?
- A. Lidi
 - B. Air kelapa
 - C. Sabut kelapa
 - D. Daun kelapa muda
- 35** Nyatakan kegunaan tempurung kelapa.
- A. Titi
 - B. Penyapu
 - C. Sarung ketupat
 - D. Tabung duit, senduk dan bahan pembakar

Baca petikan di bawah dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Ada dua orang pencuri. Seorang bernama Bubu dan seorang lagi Baba. Pada suatu malam, mereka pergi ke sebuah kampung untuk mencuri seekor kambing.

Mereka sampai ke kandang kambing ketika hari telah gelap. Satu pun tidak dapat dilihat dalam gelap itu walaupun tapak tangan mereka. Kedua-duanya pun masuk ke dalam kandang kambing itu. Oleh kerana mereka memang pandai, semua kambing yang ada di dalam kandang itu tidak mengembek.

Kebetulan pada ketika itu seekor harimau yang besar turut masuk dalam kandang kambing itu. Harimau juga hendak mengerjakan kambing yang ada di dalam kandang itu. Dia juga mahu memilih kambing yang besar dan gemuk. "Pilih yang gemuk," kata Bubu.

Ternyata mereka dapat menangkap seekor yang gemuk dalam gelap-gelita itu. Bubu dan Baba mengikat keempat-empat kaki binatang yang gemuk itu supaya tidak dapat lari.

Harimau sangat hairan kerana didapati ada makhluk yang sangat berani dan tidak takut kepadanya. Harimau menggigit ketakutan.

- 36** Apakah binatang yang mereka hendak dicuri pada malam itu?
- A. Kerbau
 - B. Biri-biri
 - C. Harimau
 - D. Kambing
- 37** Mengapakah semua kambing di dalam kandang tidak mengembek?
- A. Bubu dan Baba ada senjata .
 - B. Bubu dan Baba ada makanan .
 - C. Bubu dan Baba pandai mencuri .
 - D. Bubu dan baba ada benda berbau .

- 38** Siapakah yang ada dalam kandang kambing itu?
- A Singa
 - B Lembu
 - C Kerbau
 - D Harimau
- 39** Mengapakah mereka mengikat keempat-empat kaki binatang itu?
- A Supaya berbunyi
 - B Supaya tidak lari
 - C Supaya cepat berlari
 - D Supaya cepat berjalan
- 40** Mengapakah harimau berasa hairan?
- A Kerana ada kambing kurus
 - B Kerana ada makhluk lain lebih berani
 - C Kerana ada kambing-kambing yang gemuk
 - D Kerana tidak ada kambing-kambing gemuk

***** SOALAN TAMAT *****